



UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGGAL 24

AKTA HASUTAN

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 24

HASUTAN

PENYUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek
 2. Tafsiran
 3. Niat menghasut
 4. Kesalahan-kesalahan menghasut
 5. Mengeluarkan waran menggeledah
 6. Tangkapan tanpa waran
 7. Langkah perbicaraan di sisi undang-undang
 8. Keterangan
-

AKTA HASUTAN

Suatu Akta untuk menyemak dan menyatukan undang-undang berkaitan dengan hasutan

3 tahun 1948
(Panggal 24
tahun 1951)
9 tahun 1957
S. 99/59

Permulaan kuatkuasa : 6hb April 1948

Gelaran
pendek

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Hasutan.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“import” termasuk untuk membawa ke dalam Negara Brunei Darussalam atau untuk membawa di dalam perairan wilayah Negara Brunei Darussalam sama ada atau tidak sesuatu telah dibawa ke darat dan sama ada atau tidak terdapat suatu niat untuk membawa sesuatu ke darat ;

“penerbitan” termasuk semua perkara bertulis atau bercetak dan segalanya, sama ada yang mempunyai sifat yang serupa dengan perkara bertulis atau bercetak atau tidak, yang mengandungi sebarang pernyataan zahir, atau dengan bentuknya, rupa, atau dalam apa jua cara boleh mencadangkan perkataan-perkataan atau pendapat-pendapat, dan setiap naskhah atau pengeluaran mana-mana penerbitan ;

“penerbitan yang menghasut” bermakna sesuatu penerbitan yang mempunyai niat menghasut.

Niat
menghasut

3. (1) Sesuatu niat menghasut adalah sesuatu niat —

- (i) untuk membawa kebencian atau penghinaan atau untuk menghasut penghinaan terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Kerajaan Negara Brunei Darussalam ; atau

- (ii) untuk menghasut penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam untuk mencuba bagi memperolehi perubahan, dengan jalan lain daripada cara-cara yang sah, bagi mana-mana perkara lain di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang ; atau
- (iii) untuk membawa kebencian atau penghinaan atau untuk menghasut penderhakaan terhadap pentadbiran keadilan dalam Negara Brunei Darussalam ; atau
- (iv) untuk menimbulkan perasaan tidak puas hati atau penderhakaan di kalangan penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam ; atau
- (v) untuk menggalakkan perasaan niat jahat dan permusuhan di kalangan golongan-golongan yang berlainan penduduk Negara Brunei Darussalam ;

tetapi sesuatu perbuatan, ucapan atau penerbitan adalah tidak menghasut hanya dengan sebab ianya berniat —

(a) untuk menunjukkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah terkeliru atau tersalah dalam mana-mana langkah mereka ; atau

(b) untuk menunjukkan kesalahan-kesalahan atau kecacatan dalam Kerajaan atau perlembagaan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang atau dalam perundangan atau dalam pentadbiran keadilan dengan tujuan untuk membetulkan kesalahan-kesalahan atau kecacatan-kecacatan sedemikian ; atau

(c) untuk menggalakkan penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam untuk cuba memperoleh perubahan dengan cara-cara yang sah bagi mana-mana perkara dalam Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang ; atau

(d) untuk menunjukkan, dengan tujuan untuk menyingkirkannya, mana-mana perkara yang menghasilkan atau mempunyai kecenderungan untuk menghasilkan perasaan niat jahat dan permusuhan di kalangan golongan-golongan yang berlainan penduduk Negara Brunei Darussalam.

(2) Dalam menentukan sama ada niat yang mana sebarang perbuatan telah dilakukan, sebarang perkataan yang diucapkan, atau mana-mana dokumen yang disiarkan, adalah atau bukan menghasut, setiap orang hendaklah dianggap sebagai berniat akan akibat-akibat yang sudah tentu akan menyusul dari kelakuannya pada masa itu dan dalam keadaan-keadaan dalam mana dia telah memperlakukan dirinya sedemikian.

Kesalahan-
kesalahan
menghasut

4. (1) Sesiapa jua yang —

(a) melakukan atau cuba untuk melakukan, atau membuat persediaan untuk melakukan, atau berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan, sebarang perbuatan dengan suatu niat menghasut ;

(b) mengeluarkan sebarang perkataan dengan suatu niat menghasut ;

(c) mencetak, menerbit, menjual, menawarkan untuk jualan, membahagikan atau mengeluarkan sebarang penerbitan yang menghasut ;

(d) mengimport sebarang penerbitan untuk menghasut, kecuali jika dia tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ianya adalah menghasut ;

adalah bersalah : Hukuman, bagi kesalahan pertama penjara selama 2 tahun dan denda \$5,000, dan bagi suatu kesalahan yang berikutnya, penjara selama 3 tahun dan denda ; penerbitan yang menghasut sedemikian akan dirampas dan boleh dimusnahkan atau sebaliknya diselesaikan sebagaimana Peguam Negara mengarahkan.

(2) Sesiapa jua yang tanpa alasan yang sah memiliki sebarang penerbitan yang menghasut adalah bersalah : Hukuman, bagi kesalahan pertama, penjara selama setahun dan denda \$1,000, dan bagi kesalahan yang berikutnya, penjara selama 2 tahun dan denda ; penerbitan sedemikian hendaklah dirampas dan boleh dimusnahkan atau sebaliknya diselesaikan sebagaimana Peguam Negara mengarahkan.

(3) Hendaklah menjadi suatu pembelaan kepada suatu tuduhan di bawah ceraian (2) dari bab ini bahawa, jika orang yang dituduh tidak mengetahui bahawa penerbitan tersebut adalah menghasut bila ianya mula berada dalam milikannya, dia telah, sebaik sahaja dia mengetahui akan jenis penerbitan tersebut menyerahkan penerbitan tersebut kepada pegawai yang menjaga di balai polis yang terdekat.

5. (1) Mana-mana majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberikuasa kepada mana-mana pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat inspektor untuk memasuki mana-mana bangunan di mana sebarang penerbitan yang menghasut berada atau mungkin dengan munasabahnya disyaki berada dan menggeledah di dalamnya bagi sebarang penerbitan yang menghasut.

Mengeluarkan waran menggeledah

(2) Bilamana nampaknya kepada mana-mana pegawai polis, tidak rendah dari pangkat inspektor, bahawa ada terdapat sebab yang munasabah untuk dipercayai bahawa dalam mana-mana bangunan ada disembunyikan atau disimpan sebarang penerbitan yang menghasut dan dia mempunyai alasan-alasan yang baik untuk dipercayai bahawa disebabkan kelambatan dalam memperolehi suatu waran menggeledah matlamat penggeledahan tersebut mungkin akan kecewa,

dia boleh memasuki dan menggeledah bangunan tersebut seolah-olah dia telah diberikuasa untuk berbuat sedemikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah cerai (1).

Tangkapan
tanpa waran

6. Mana-mana pegawai polis yang tidak rendah daripada pangkat inspektor boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati atau dengan munasabah disyaki melakukan atau cuba untuk melakukan atau menyebabkan atau membantu mana-mana orang untuk melakukan sebarang kesalahan terhadap Akta ini, atau dengan munasabah disyaki memiliki secara menyalahi undang-undang sebarang benda yang boleh dirampas di bawah Akta ini.

Langkah
perbicaraan
di sisi
undang-
undang

7. (1) Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah bab 4 boleh dimulakan melainkan dalam masa 6 bulan setelah kesalahan tersebut dilakukan.

(2) Seseorang tidak boleh didakwa bagi sesuatu kesalahan di bawah bab 4 tanpa kebenaran bertulis dari Peguam Negara.

Keterangan

8. Tiada sesiapa pun boleh disabitkan bagi sesuatu kesalahan di bawah bab 4 atas testimoni yang tidak disokong dari seorang saksi.